



PROGRAM NATURE WALK DI LATA JANGGUT, JELI ANJURAN KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI FAKULTI SAINS BUMI (FSB)

Dr. Norashikin Fauzi



Pada 13 Jun 2022, telah berlangsung program *Nature Walk* di Lata Janggut, Jeli anjuran Kelab Kebajikan dan Rekreasi FSB. Kelab Kebajikan dan Rekreasi FSB merupakan kelab yang memainkan peranan dalam menjaga kebajikan ahli fakulti serta menggalakkan aktiviti riadah bagi mempertingkatkan kualiti gaya hidup sihat. Aktiviti rekreasi kelab merupakan aktiviti yang seringkali dijalankan secara berkala di bawah peruntukan Kelab Kebajikan dan Rekreasi FSB.

Objektif penganjuran program kali ini adalah untuk memberi peluang kepada ahli fakulti untuk merehatkan minda dan menyihatkan tubuh badan. Selain daripada itu, ia bertujuan untuk mengeratkan ukhwah sesama ahli fakulti yang sudah lama terjalin demi mewujudkan ekosistem yang lebih harmoni. Seramai 36 orang ahli kelab telah menyertai program ini.



Program ini dimulakan dengan ucapan aluan daripada Dr. Norashikin Fauzi selaku pengarah program Nature Walk dan diikuti dengan ucapan oleh Pengerusi Kelab, Dr. Kamarul Ariffin Hambali. Seterusnya, para peserta melakukan senamrobik sebagai persediaan sebelum menyusuri hutan di situ. Senamrobik tersebut dikendalikan oleh tujuh orang mahasiswa daripada Program